



**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**TEKS UCAPAN
KETUA PENGARAH KEBAJIKAN MASYARAKAT**

SEMPENA

**MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN
JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT (JKM) BIL.4/2020:
NORMA BAHARU**

20 OKTOBER 2020 (SELASA)

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum warahmatullahiwabarakatuh

Salam Sejahtera

Salam Kebajikan

Terima kasih Pengacara Majlis

YBrs. Puan Rosmahwati binti Ishak,
Timbalan Ketua Pengarah Strategik

YBrs. Puan Fatimah Zuraidah binti Salleh,
Timbalan Ketua Pengarah Operasi

YBrs. Puan Wan Noraidah binti Wan Mohd Zain,
Pengarah Bahagian Perundangan dan Penguatkuasaan selaku
Pengerusi Jawatankuasa Penganjur Perhimpunan kali ini,

YBrs. Dr. Sopian bin Hj. Brahim,
Pengarah Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa selaku
Pengerusi Bersama

Semua Pengarah-Pengarah Bahagian,

Semua Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri, dan

Seterusnya tuan-tuan dan puan-puan warga JKM yang saya hormati
sekalian.

Tuan/Puan,

MUKADIMAH

1. Alhamdulillah hirabbilalamin wabihii nasta'in. Terlebih dahulu, saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah

Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia dan keizinanNya dapat kita bersua dalam norma baharu sempena Perhimpunan Bulanan Jabatan Kebajikan Masyarakat Bilangan 4 Tahun 2020 pada hari ini.

2. Saya merakamkan ucapan terima kasih kepada urusetia Bahagian Perundangan dan Penguatkuasaan dan Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa selaku urus setia bersama perhimpunan bulanan yang keempat ini dalam norma baharu.
3. Saya juga mengalu-alukan semua Pengarah Bahagian, Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri dan warga kerja JKM dalam sidang ini.
4. Alhamdulillah, selama tujuh (7) bulan telah kita harungi tempoh yang sukar dan masih dapat bertahan dalam memerangi COVID-19. Berdasarkan laporan Kementerian Kesihatan Malaysia, situasi terkini jumlah gelombang kedua COVID-19 dari 4 September 2020 hingga 19 September 2020 mencatatkan jumlah seramai **1,831** kes manakala bagi gelombang ketiga pula bermula sejak 20 September 2020 sehingga 18 Oktober 2020 mencatatkan seramai **10,331** kes.

Tuan / Puan,

PENGOPERASIAN JABATAN KEBAJIKAN MASYARKAT SEMASA TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT SECARA BERSASAR

5. Pihak kerajaan telah mengisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat Secara Bersasar di beberapa kawasan

bermula 9 Oktober 2020 serta pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di seluruh Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya berkuatkuasa pada 14 Oktober hingga 27 Oktober 2020. Susulan itu, pihak Jabatan telah mengeluarkan surat Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat bertarikh 8 Oktober 2020 berkaitan perkara-perkara penting terutamanya pengoperasian di peringkat JKMN, PKMD dan Institusi. Arahan yang dikeluarkan tersebut hendaklah dibaca bersama dengan semua peraturan, garis panduan dan surat edaran yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara dan Kementerian Kesihatan Malaysia sebagai langkah pencegahan wabak COVID-19 serta semua pekeliling / peraturan yang berkuatkuasa.

6. Antara langkah-langkah yang perlu diberi perhatian adalah:
 - i) Menangguhkan pelaksanaan program / latihan secara bersemuka melibatkan bilangan peserta yang ramai buat sementara waktu. Semua pihak digalakkan untuk menggunakan medium atas talian bagi melaksanakan program / latihan penting Jabatan.
 - ii) Menangguhkan perkhidmatan / pengoperasian kaunter di kawasan yang diisytiharkan sebagai zon merah sehingga ke satu tarikh yang akan dimaklumkan kelak. Urusan perkhidmatan di kaunter boleh dilayani menerusi Talian Kasih 15999 dan talian bilik gerakan negeri serta daerah masing-masing. Pemakluman berhubung penutupan operasi perkhidmatan kaunter ini perlu dimaklumkan kepada pihak awam menerusi medium yang bersesuaian.

- iii) Pelaksanaan mesyuarat yang penting boleh diadakan secara atas talian atau melibatkan bilangan pegawai yang minimum (mengikut kesesuaian tempat) sekiranya dilaksanakan secara bersemuka.
- iv) Semua institusi hendaklah beroperasi seperti biasa dan mematuhi akta, peraturan serta kaedah yang berkaitan dengan institusi masing-masing. Walau bagaimanapun, permohonan lawatan daripada pihak luar ke semua institusi di bawah JKM tidak dibenarkan sebagai langkah pencegahan penularan wabak COVID-19,
- v) Pengoperasian pejabat dilaksanakan tertakluk kepada arahan Kerajaan Negeri masing-masing.

Selain itu juga, pihak Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah mengeluarkan Garis Panduan Kehadiran Di Pejabat dan Bekerja Dari Rumah (BDR) bagi pegawai Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat semasa Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang menekankan kepada pelaksanaan bekerja di pejabat sebelum memasuki premis dan semasa berada dalam premis.

i) Sebelum memasuki premis

- Memastikan tahap kesihatan pegawai berada pada tahap yang baik dan tidak mempunyai gejala tidak sihat seperti demam, batuk, selesema atau sesak nafas sebelum datang ke pejabat;

- Melaporkan diri kepada petugas keselamatan, merekodkan kehadiran dan mengimbas aplikasi MySejahtera yang telah disediakan;
- Menjalani pengukuran suhu badan dan pegawai yang gagal menepati suhu badan (melebihi 37.5°C) yang telah ditetapkan tidak dibenarkan untuk masuk ke premis pejabat dan diarahkan untuk terus menjalani pemeriksaan kesihatan di fasiliti kesihatan yang berhampiran; dan
- Memastikan penutup mulut dan hidung sentiasa dipakai dalam pejabat.

ii) Semasa berada dalam premis

- Mematuhi jadual kerja yang telah disediakan oleh Ketua Jabatan / Penyelia;
- Memastikan pemakaian penutup mulut dan hidung pada setiap masa serta kerap membasuh tangan dengan sabun atau *hand sanitizer*;
- Mengamalkan penjarakan fizikal di antara pekerja;
- Mempraktikkan amalan tidak bersalaman;
- Memastikan tiada perkongsian barangan peribadi dengan pegawai lain seperti sejadah dan kain telekung.

Tuan / Puan,

SAMBUTAN HARI WARGA EMAS DAN HARI KANAK-KANAK

7. Bulan Oktober merupakan bulan yang signifikan kepada JKM kerana dalam bulan ini terdapat dua (2) sambutan berkaitan kumpulan sasar iaitu Sambutan Hari Warga Emas yang telah disambut pada 1 Oktober 2020 dan Sambutan Hari Kanak-kanak pada 17 Oktober 2020.

8. Sambutan Hari Warga Emas Antarabangsa telah diisytiharkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada 14 Disember 1990 untuk disambut pada 1 Oktober setiap tahun berdasarkan resolusi No. 45/106 (*Implementation of the International Plan of Action on Ageing and related activities*). Selaras dengan resolusi tersebut, Kerajaan Malaysia pada tahun 1992 telah bersetuju dan memutuskan untuk mengisytiharkan 1 Oktober setiap tahun disambut sebagai Hari Warga Emas Kebangsaan dengan tema pada tahun ini adalah “Pandemik dan Penuaan: Mendepani Perubahan”. Pada sambutan itu juga Sistem eWE telah dilancarkan. Sistem ini merangkumi pendaftaran warga emas, suai padan pekerjaan, perkongsian maklumat dan seterusnya menjana kepada pemetaan warga emas di Malaysia.

9. Sambutan Hari Kanak-kanak pula telah disambut pada 17 Oktober 2020 yang lalu dengan tema Bumi Lestari: Kanak-kanak Dilindungi sebagai tema Hari Kanak-Kanak Peringkat Kebangsaan Tahun 2020 selari dengan tema Hari Kanak-kanak Peringkat Antarabangsa iaitu “*Climate Change: For Children, by Children*”.

Tema ini merupakan suatu manifestasi tanggungjawab Kerajaan dan seluruh rakyat di negara ini termasuk kanak-kanak untuk bersama-sama berganding bahu dalam memperjuangkan kebajikan dan kesejahteraan kehidupan kanak-kanak pada hari ini dan di masa hadapan.

10. Pelbagai aktiviti dan pengisian telah dilaksanakan melibatkan penglibatan pelbagai pihak multi-sektoral bagi memastikan objektif penganjuran tercapai dan memberi manfaat kepada kumpulan sasaran khususnya dan masyarakat amnya.
11. Selain itu juga, bulan Oktober juga merupakan Bulan Kaunseling Kebangsaan dimana pada 8 Oktober 2020 telah diadakan Webinar Bulan Kaunseling Kebangsaan yang menerangkan peranan dan tanggungjawab Kaunselor JKM dalam perkhidmatan teras kita.
12. Kesemua sambutan pada tahun ini telah disambut dengan cukup berbeza. Ini kerana pada tahun ini kita meraikannya dalam suasana pandemik COVID-19. Pandemik ini telah membawa perubahan kepada norma baharu manusia sejagat secara keseluruhannya. Norma baharu ini akan menjadi budaya dalam kita melawan COVID-19.

PEMBUDAYAAN NORMA BAHARU

13. YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin, Perdana Menteri Malaysia telah melancarkan Kempen Pembudayaan Norma

Baharu pada 8 Ogos 2020. Kempen ini adalah salah satu inisiatif “Kita jaga kita” yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran kawalan sendiri dalam kalangan masyarakat. Usaha membudayakan norma baharu dalam kalangan rakyat adalah tugas dan tanggungjawab setiap daripada kita termasuk warga JKM.

14. Pematuhan kepada S.O.P yang sedia ada perlu diperluaskan lagi justeru kesedaran kawalan sendiri yang baik di tempat kerja, tempat-tempat awam, tempat ibadat mahupun di rumah perlu ada dalam diri kita pada setiap masa. Dalam konteks perkhidmatan JKM pula, JKM telah membangunkan garis panduan bersama pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) selain mengeluarkan dua (2) Garis Panduan Bagi Perkhidmatan Sosial di JKM dan Garis Panduan Pencegahan dan Kawalan Jangkitan COVID-19 Perkhidmatan Sosial: Pengurusan Kes kepada semua Pengarah Bahagian dan JKMN pada 3 September 2020 untuk diguna pakai berdasarkan norma baharu.
15. Norma baharu yang perlu diberikan perhatian ialah mengelakkan 3S atau 3C iaitu :
 - i) Elakkan kawasan yang sesak (*Crowded place*),
 - ii) Elakkan kawasan yang sempit (*Confined space*); dan
 - iii) Elak sembang dengan jarak yang dekat (*Close conversation*).
16. Selain itu, amalan 3W perlu juga diamalkan iaitu:

- i) *Wash* (Kerap mencuci tangan dengan air dan sabun)
 - ii) *Wear* (Wajib memakai pelitup separuh muka atau facemask di tempat awam atau jika bergejala)
 - iii) *Warn* (Sentiasa mengikuti peringatan dan nasihat daripada pihak berkuasa khususnya KKM)
17. Selain daripada amalan yang dinyatakan, pihak berkuasa juga akan membuat peringatan-peringatan dari semasa ke semasa sama ada melalui pengumuman di media massa, elektronik dan media sosial. Sebagai warga yang prihatin, kita perlu mengikuti dan menyebarkan hanya maklumat yang sahih. Selain itu, sentiasalah berwaspada dan patuh dengan arahan pihak berkuasa dalam mengamalkan budaya norma baharu ini.
18. Dalam berdepan dengan penularan pandemik COVID-19, beban tugas Pegawai Kebajikan makin bertambah. Walau bagaimanapun, saya memohon agar semua pegawai JKM di semua peringkat dapat mengawal dan menangani tekanan (*stress*) kerana ia boleh menjejaskan kualiti kehidupan bersama keluarga dan juga kualiti kerja. Jika tekanan tidak ditangani dengan betul, ia juga boleh menyebabkan pelbagai jenis penyakit dan memberi kesan buruk kepada tubuh badan kita semua.

Tuan/Puan,

PEMAKLUMAN PERKARA-PERKARA UTAMA YANG PERLU DIBERIKAN PERHATIAN

LANTIKAN SEBAGAI PEGAWAI DIBERI KUASA DI BAWAH AKTA PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT [AKTA 342]

19. Semua Pegawai Kebajikan Masyarakat Gred 29 dan ke atas telah dilantik oleh Menteri Kesihatan Malaysia sebagai pegawai yang diberi kuasa di bawah seksyen 3 Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit [Akta 342] mulai Mei 2020. Selaras dengan pelantikan ini, Bahagian PU telah dipertanggungjawabkan untuk menjalankan *task force* pemantauan Pematuhan SOP Pencegahan Penularan COVID-19 ke atas semua Taman Asuhan Kanak-Kanak dan Pusat Jagaan.
20. Untuk makluman semua, mulai 21 Mei 2020 sehingga 14 Oktober 2020 sebanyak **1, 273** (95.4%) daripada **1,334** buah Pusat Jagaan yang beroperasi telah dipantau. Didapati, **105** buah Pusat Jagaan tidak mematuhi Akta 342. Laporan ketidakpatuhan ini telah dihantar oleh Bahagian PU, ibu Pejabat JKM kepada Kementerian Kesihatan Malaysia untuk tindakan lanjut.
21. **1,568** (70.4%) buah TASKA daripada **2,227** buah TASKA yang beroperasi telah dipantau. Didapati **64** buah TASKA tidak mematuhi Akta 342. Sehubungan dengan itu, pemantauan pematuhan kepada S.O.P Pencegahan Penularan COVID-19 ke Atas Pusat Jagaan dan TASKA akan dipergiatkan lagi oleh Pegawai Diberi Kuasa (PDBK) bagi negeri-negeri yang telah diisytiharkan sebagai kawasan

Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) bagi memastikan kumpulan sasar JKM sentiasa disantuni dengan baik dan terpelihara.

KES KEGANASAN RUMAH TANGGA

22. Sepertimana tuan/puan sedia maklum, Kerajaan telah melanjutkan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) yang berkuat kuasa mulai 1 September 2020 sehingga 31 Disember 2020. Memandangkan pandemik COVID-19 kembali meningkat sejak akhir-akhir ini, pegawai-pegawai JKM selaku Pegawai Kebajikan Masyarakat Diberi Kuasa (PKMDBK) di bawah Akta keganasan Rumah Tangga 1994 perlu memberi perkhidmatan terbaik kepada klien. Ini berikutan peningkatan aduan yang diterima menerusi Talian Kasih 15999 berkaitan isu-isu dan krisis sosial rumah tangga.
23. Sepanjang tempoh PKP dan PKPB berakhir Jun 2020 yang lalu, Talian Kasih telah menerima sejumlah **930** panggilan berkaitan keganasan rumah tangga. Daripada jumlah tersebut, sejumlah **379 telah dilayan oleh JKM.**
24. Saya merakamkan jutaan terima kasih di atas komitmen yang ditunjukkan oleh semua pegawai JKM di lapangan yang memantau pengoperasian Pusat Jagaan dan TASKA berdaftar, mengendalikan kes AKRT serta menjalankan operasi menyelamatkan orang papa serta pengagihan bakul makanan.

ORANG PAPA

25. Jabatan masih menguatkuasakan arahan agar operasi menyelamatkan orang papa (yang terdiri dari pengemis dan peleser) tidak dilaksanakan mengikut Akta Orang-Orang Papa 1977, sebagaimana surat Penangguhan Operasi Menyelamat Orang Papa / Pengemis Dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP), yang telah di keluarkan pada 17 Jun 2020. Penangguhan operasi menyelamatkan adalah mengambilkira isu keselamatan pegawai di lapangan.
26. Namun begitu, sekiranya terdapat arahan daripada mana-mana pihak berkuasa yang bertanggungjawab semasa PKPP ini, Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri (PKMN) hendaklah merujuk kepada Kementerian Kesihatan untuk khidmat nasihat serta berbincang dengan pihak Majlis Keselamatan Negara atau pihak berkuasa yang bertanggungjawab mengenai operasi tersebut dari segi penyelamatan dan perlindungan (penempatan) kes memandangkan Jabatan masih tidak membenarkan penempatan kes di institusi JKM termasuk penempatan sementara. Namun demikian permohonan boleh dikemukakan kepada Jabatan dan pertimbangan akan diberikan bagi penempatan kes warga emas yang tidak mempunyai waris, memerlukan perlindungan dan penjagaan serta memenuhi kriteria kemasukan ke institusi kebajikan.
27. Sebagai langkah keselamatan pegawai JKM yang terlibat dalam operasi menyelamatkan orang papa, Bahagian PU telah membuat pembelian sejumlah **7,500** keping *face shield* untuk diedarkan

kepada semua Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah dalam masa terdekat ini.

HALA TUJU PENGURUSAN GOLONGAN GELANDANGAN

28. Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sering diberi tanggungjawab untuk mengendalikan golongan gelandangan kerana dikaitkan dengan orang papa yang merupakan salah satu kumpulan sasar JKM. Walau bagaimanapun, tafsiran orang papa adalah sepertimana yang termaktub dalam Seksyen 2, Akta Orang-Orang Papa 1977 (Akta 183). Bidang kuasa JKM adalah terhad untuk pengurusan orang papa yang memenuhi tafsiran di atas sahaja. Hanya gelandangan yang termasuk dalam tafsiran orang papa di bawah Akta 183, JKM mempunyai punca kuasa untuk mengambil tindakan di bawah Akta 183.
29. Sehubungan dengan itu, Jabatan telah membuat keputusan bahawa pengurusan gelandangan hendaklah dilaksanakan melalui pendekatan multisektoral melibatkan pelbagai agensi dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). JKM sentiasa menyokong penyediaan Pusat Transit/ Pusat Transit Sementara Gelandangan. Walau bagaimanapun, pengurusan Pusat Transit/ Pusat Transit Sementara Gelandangan adalah diluar tanggungjawab JKM tetapi peranan ini perlu digembleng bersama oleh semua agensi terlibat.

STATUS RANG UNDANG-UNDANG PROFESION KERJA SOSIAL

30. Komitmen kerajaan dalam penggubalan Akta Profesion Kerja sosial telah dinyatakan melalui Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong pada Istiadat Pembukaan Parlimen Penggal Ketiga, Parlimen Keempat Belas pada 18 Mei 2020 yang lalu. Rang Undang-Undang Profesion Kerja Sosial (RUU PKS) memainkan peranan penting dalam memastikan rakyat mendapat perkhidmatan yang berkualiti tinggi dan meningkatkan keyakinan orang ramai dalam perkhidmatan sosial. Draf RUU PKS ini telah dikemukakan ke Jabatan Peguam Negara untuk semakan sebelum dibentangkan di Dewan Rakyat pada sesi akan datang.
31. Sebagai persediaan, pihak Jabatan kini sedang membangunkan peraturan-peraturan berkaitan sebagai persiapan apabila RUU PKS ini dikuatkuasakan kelak.

PEMELIHARAAN BERASASKAN KELUARGA (PBK)

32. Pendekatan pemeliharaan berasaskan keluarga dinyatakan melalui pindaan Akta Kanak-kanak 2001 iaitu menerusi penempatan kanak-kanak berdasarkan kepada penjagaan ahli keluarga, orang yang layak dan sesuai (OYLS) dan keluarga pelihara. Pemeliharaan Berasaskan Keluarga (PBK) telahpun bermula secara rintis di tiga (3) negeri iaitu di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Selangor dan Negeri Sembilan pada tahun 2019 bertujuan menempatkan kanak-kanak dalam suasana kehidupan berkeluarga dan komuniti.

33. Bagi menjayakan projek ini, Pasukan Petugas PBK telah menghasilkan Manual Amalan Projek Rintis Pemeliharaan Berasaskan Keluarga (PBK). Manual Amalan Projek Rintis PBK merangkumi instrumen penilaian program PBK serta beberapa modul yang melibatkan persediaan kanak-kanak, persediaan keluarga dan persediaan komuniti. Instrumen ini dibangunkan berdasarkan Tujuh Keperluan Penjagaan kanak-kanak iaitu dari aspek fizikal, psikologi, emosi, kognitif, sosial, moral dan rohaniah. Dengan kewujudan instrumen ini di dalam Projek Rintis PBK, pekerja sosial dapat mempraktikkan nilai kerja sosial mengikut Piawaian Kompetensi Praktis Kerja Sosial dan pengurusan kes yang sistematik. Sehubungan dengan itu, tindakan intervensi dan penyelesaian masalah sosial memerlukan tenaga kerja yang professional, berpengetahuan dan berkemahiran dalam bidang Kerja Sosial.
34. Pada hari ini akan diadakan *soft launch* bagi manual PBK ini yang akan memudahkan rujukan dan semakan pegawai-pegawai di lapangan dalam pengendalian kanak-kanak.

PERSEDIAAN MENGHADAPI MONSUN TIMUR LAUT

35. Monsun Timur Laut dijangka bermula pada bulan November 2020 dan berakhir pada Mac 2021. Semasa tempoh monsun ini, beberapa siri hujan monsun yang menyeluruh dijangka berlaku terutama di negeri-negeri pantai timur Semenanjung Malaysia termasuk juga di Sabah dan Sarawak. Justeru itu, suka saya

ingatkan berkaitan persediaan kita dalam mengharungi tempoh ini terutamanya dalam kesiapsiagaan pegawai-pegawai dan logistik.

36. JKM merupakan salah sebuah agensi kerajaan yang berperanan dalam penyediaan dan pengedaran bantuan makanan, pakaian dan lain-lain keperluan asas kepada mangsa-mangsa bencana. Justeru, keperluan pegawai dan kakitangan dalam mematuhi S.O.P yang telah ditetapkan oleh kerajaan amatlah penting bagi menghalang penularan pandemik COVID-19 dalam masa yang sama memberikan perkhidmatan terbaik kepada mangsa terlibat.

Tuan/puan,

TAHNIAH KEPADA PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG

37. Di kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada **530** warga JKM yang menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) atas prestasi mereka yang cemerlang sepanjang tahun 2019. Saya mengharapkan penganugerahan dan pengiktirafan yang diterima ini dapat menyuntik semangat kepada tuan-tuan dan puan-puan untuk terus berkhidmat dengan lebih dedikasi dan penuh iltizam bagi membawa JKM ke era kecemerlangan. Saya juga mengharapkan anugerah ini akan menjadi pemangkin kecemerlangan dan menjadi motivasi kepada rakan-rakan lain supaya mereka terus berusaha memberi perkhidmatan terbaik dengan harapan suatu masa nanti tuan/puan terpilih sebagai Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang.

38. Kecemerlangan ini amat diperlukan bagi memastikan JKM sentiasa ke depan dalam melaksanakan fungsi yang ditetapkan oleh Kerajaan serta memenuhi ekspektasi masyarakat. Saya amat berharap agar budaya dan momentum kecemerlangan ini, akan dapat diteruskan dan menjadi teras kepada, budaya kerja cemerlang dan berintegriti demi kemajuan dan kemakmuran Negara.
39. Lanjutan daripada itu juga, suka saya menarik perhatian tuan / puan bagi pengisian Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) Tahun 2020 perlu diambil tindakan sewajarnya menerusi aplikasi HRMIS mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan.

Tuan/Puan,

MAULIDUR RASUL

40. Tanggal 12 Rabiulawal dalam bulan hijrah Islam yang juga dalam bulan Oktober (29 Oktober 2020) merupakan satu tarikh yang perlu diingati oleh umat Islam di seluruh dunia. Sesungguhnya kelahiran Baginda Nabi Muhammad S.A.W membawa sinar kepada umat manusia dan membawa syiar Islam dan membawa rahmat kepada sekalian alam. Maulidur Rasul juga merupakan masanya bagi umat Islam untuk memperingati Rasulullah S.A.W dan seterusnya menjadikan contoh dan teladan terbaik.

PENUTUP

41. Saya berharap tuan-tuan puan-puan terus kekal istiqamah dalam mengamalkan penjagaan sendiri dan sentiasa patuhi setiap S.O.P yang telah ditetapkan oleh kerajaan untuk memastikan kita semua terlindung daripada wabak COVID-19. Ingatlah, setiap tindakan kita boleh menentukan bukan sahaja keselamatan diri kita, tetapi juga keselamatan orang-orang yang dekat dengan kita ahli keluarga, rakan-rakan kita dan masyarakat di sekeliling kita. Kita semua terkesan dengan wabak ini tanpa ada yang terkecuali.

33. Sekali lagi saya ingin merakamkan penghargaan di atas penglibatan semua pegawai dan kakitangan JKM dalam memberikan perkhidmatan terbaik sepanjang tempoh yang mencabar ini terutamanya masyarakat yang terkesan dengan COVID-19.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.